

## Terma dan Syarat-Syarat Bagi Bantuan Permotoran dan Penundaan AutoStar

### SEKSYEN 1 -- DEFINISI

- 1.1 AHLI**  
Adalah bermaksud pemilik atau pemandu kenderaan yang telah dipersetujui oleh UNI.ASIA sebagai ahli Program Bantuan Permotoran UNI.ASIA serta memegang status Penduduk Tetap di Malaysia.
- 1.2 KENDERAAN**  
Adalah bermaksud sebarang kenderaan bermotor persendirian dan/atau perniagaan di bawah satu (1) tan tanpa muatan (tidak termasuk trak, teksi, kenderaan perdagangan dan semua kenderaan yang didaftarkan untuk Sewa dan Pandu) yang sepatutnya didaftarkan dan adalah kepunyaan Ahli serta layak sebagai ahli Program Bantuan Permotoran UNI.ASIA, dan mematuhi peruntukan, undang-undang dan peraturan Akta Pengangkutan Jalan Malaysia 1987.
- 1.3 PENDUDUK TETAP**  
Alamat rumah tetap Ahli di Malaysia seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Ahli untuk Program Bantuan Permotoran UNI.ASIA.

### SEKSYEN 2 -- PERKHIDMATAN BANTUAN, HAD YANG DIBENARKAN DAN LIABILITI YANG DISEDIAKAN

- 2.1 PERKHIDMATAN BANTUAN YANG DISEDIAKAN**  
Tempoh sah perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Seksyen 3 diberikan bersamaan dengan tempoh sah Polisi Insurans Motor Komprehensif Kereta Persendirian dengan UNI.ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD.
- 2.2 HAD WILAYAH**  
Perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Seksyen 3 boleh didapati di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak tetapi tidak termasuk semua pulau-pulau di Malaysia kecuali Langkawi, Pulau Pinang dan Labuan yang tertakluk kepada klausa 4.5.
- 2.3 LIABILITI KE ATAS UNI.ASIA**  
UNI.ASIA tidak akan bertanggungjawab ke atas kelewatan atau halangan-halangan dalam memberikan bantuan disebabkan oleh mogok, peperangan, penaklukan, permusuhan bersenjata (termasuklah pengisytiharan perang secara rasmi), perang saudara, aktiviti pengganas, rusuhan dan kekacauan awam, keradioaktifan atau sebarang bencana alam atau malapetaka meluas seperti banjir dan gempa bumi atau gelombang pasang-surut.

Difahamkan bahawa trak penunda, bengkel, garaj, pemandu peribadi dan mana-mana orang profesional yang akan dirujuk oleh UNI.ASIA kepada Ahli pada kebanyakan masanya adalah kontraktor bebas yang bertanggungjawab ke atas kelakuan sendiri dan bukan pekerja, agen atau yang bekerja dengan UNI.ASIA.

Sebagai tambahan, UNI.ASIA tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perlakuan atau kegagalan untuk melakukan bagi pihak tersebut seperti dan tidak terhad kepada trak penunda, bengkel, garaj, pemandu peribadi, ahli perubatan dan ahli profesional yang lain.

UNI.ASIA tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan, bayaran atau caj-caj untuk manfaat-manfaat yang dinyatakan di sini adalah atas dasar memerlukan dan semua kos adalah ditanggung sepenuhnya dan secara terus oleh Ahli kecuali untuk penundaan dalam lingkungan 50 KM.

### SEKSYEN 3 – PERKHIDMATAN BANTUAN

Pelan AutoStar UNI.ASIA akan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut kepada Ahli-Ahli:

- 3.1 BANTUAN PENUNDAAN 24 JAM**  
Jika kenderaan mengalami kerosakan dan tidak boleh digerakkan di Malaysia, UNI.ASIA akan menyediakan khidmat tunda kenderaan dalam lingkungan 50 KM. Kenderaan tersebut akan ditunda ke tempat pembaikan yang terdekat atau tempat simpanan yang selamat atau ke kawasan kediaman pemandu/penumpang atau dibaiki di tempat kejadian jika memerlukan.

Untuk penundaan kenderaan melebihi 50 KM, caj-caj berikut akan dikenakan.

Jenis Bantuan	CAJ PANGGILAN		KADAR PENUNDAAN/KM	
	SIANG (RM)	MALAM (RM)	SIANG (RM)	MALAM (RM)
KEROSAKAN	25.00	35.00	1.30	1.80
BANTUAN DI TEPI JALAN	20.00	30.00	1.30	1.80
KEMALANGAN	40.00	70.00	1.50	1.80
<b>SIANG – 0700 – 1859</b>		<b>MALAM – 1900-0659</b>		

Pengiraan kadar penundaan kenderaan adalah perjalanan pergi-balik daripada bengkel yang dilantik oleh kami.

UNI.ASIA tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos penggantian alatan atau kerosakan kepada kenderaan atau kecurian objek dan aksesori yang ditinggalkan di dalam atau di luar kenderaan.

Ahli akan menikmati tiga (3) kali khidmat penundaan atau khidmat membaiki kerosakan setahun serta penundaan atau khidmat membaiki kenderaan tambahan akan disediakan atas permintaan serta kos dibayar oleh pelanggan. Semua penundaan kenderaan adalah ke satu (1) destinasi sahaja.

- 3.2 BANTUAN PENGINAPAN ALTERNATIF**  
UNI.ASIA akan membantu menguruskan penginapan alternatif atas permintaan dengan kos ditanggung oleh pelanggan.
- 3.3 PEMBERITAHUAN KETIKA BERLAKU KECEMASAN**  
Ketika berlaku kecemasan, UNI.ASIA akan menjalankan tanggungjawab memberitahu keluarga terdekat atau syarikat tempat Ahli bekerja sekiranya berlaku sebarang kecemasan (jika maklumat disertakan).

### SEKSYEN 4 – KEWAJIPAN DAN PROSEDUR AHLI

#### 4.1 PERMINTAAN UNTUK BANTUAN

Jika memerlukan bantuan, dan sebelum mengambil tindakan sendiri, Ahli atau wakil boleh menghubungi Talian Kecemasan dua puluh empat (24) jam UNI.ASIA dan memberikan butiran seperti berikut:

- a) Nama Ahli, nombor pendaftaran kenderaan dan nombor kad pengenalan.
- b) Tempat berlaku kecemasan dan jika boleh memberikan nombor telefon bagi membolehkan UNI.ASIA menghubungi Ahli atau wakil mereka.
- c) Maklumat ringkas berkenaan kecemasan dan jenis bantuan yang diperlukan.

**TALIAN KECEMASAN : 1-800-88-5005**

#### 4.2 KERJASAMA DENGAN UNI.ASIA

Ahli boleh bekerjasama dengan UNI.ASIA untuk membolehkan UNI.ASIA mendapatkan semua dokumen dan resit asal dari sumber-sumber yang relevan.

#### 4.3 HAD KE ATAS KES-KES BANTUAN

Sebarang kes-kes bantuan yang berkaitan dengan keadaan kecemasan atau tuntutan akan luput melainkan tuntutan tersebut difaillkan dalam masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh berlakunya kecemasan tersebut.

#### 4.4 PERMINTAAN ISTIMEWA

Ahli yang ingin mendapatkan khidmat penundaan menggunakan lori pengangkut atau penggunaan 'baby tyre' akan dikenakan caj tambahan sebanyak RM80.00 (RINGGIT MALAYSIA LAPAN PULUH).

#### 4.5 CAJ-CAJ BERDASARKAN BIL

Ahli dikehendaki membayar caj penundaan mengikut bil penundaan dan bukan mengikut kilometer (KM) bagi kawasan seperti Pulau Pinang, Langkawi, Labuan, Genting Highlands, Cameron Highlands dan Bukit Fraser serta mana-mana kawasan tanah tinggi yang lain (Contoh: Jika bil berjumlah RM150.00, pelanggan hanya perlu membayar sebanyak RM50.00 memandangkan UNI.ASIA akan membayar jumlah maksimum sehingga RM100.00).

### SEKSYEN 5 – PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM

#### 5.1 Kehadiran Pemilik Kenderaan

Ahli mesti berada di tempat berlakunya insiden untuk tujuan pengenalan. UNI.ASIA berhak untuk tidak memberikan perkhidmatan jika Ahli tidak berada di situ sebelum proses penundaan dilakukan.

#### 5.2 UNI.ASIA tidak akan bertanggungjawab di atas peruntukan perkhidmatan bantuan tersebut jika:

- a) Sesiapa yang memandu kenderaan tersebut tidak mempunyai lesen memandu yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan.
- b) Kenderaan yang diubahsuai untuk perlumbaan, percubaan atau pemanduan rali atau mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan.
- c) Sebarang panggilan yang dibuat oleh Ahli bagi pihak saudara-mara atau rakan-rakan tetapi kenderaan mereka tidak disenaraikan sebagai Ahli UNI.ASIA.
- d) Nombor pendaftaran kenderaan yang tidak bersamaan dengan nombor yang didaftarkan dengan UNI.ASIA, ini bermaksud program tersebut hanya sah untuk kenderaan yang berdaftar dan bukan kepada Ahli.
- e) Sebarang perbelanjaan yang dibayar secara terus oleh Ahli kepada mana-mana pihak ketiga tanpa mendapat kelulusan dari pihak UNI.ASIA.
- f) Sebarang kenderaan yang membawa lebih penumpang atau didapati berkeadaan lebih berat daripada spesifikasi yang dikeluarkan oleh syarikat pengeluar ketika penundaan atau akibat daripada cara pemanduan secara langsung atau tidak langsung yang tidak munasabah di atas permukaan jalan yang tidak bersesuaian.
- g) Mana-mana Ahli yang gagal mengambil sebarang langkah penjagaan untuk mengekalkan kenderaan mereka dalam keadaan baik.
- h) Sebarang kenderaan yang ditinggalkan tanpa perhatian untuk tempoh selama sehari (24 jam) atau lebih sehingga menyebabkan masalah kepada kenderaan tersebut samada kenderaan tersebut tidak dapat dihidupkan kerana bateri yang lemah, alat alternator yang rosak, tayar pancit atau apa-apa sebab yang berkaitan.
- i) Kerosakan mekanikal disebabkan oleh minyak enjin yang tidak mencukupi, petrol, air dan/atau kerosakan fros. Apabila menerima permintaan dari pelanggan, UNI.ASIA akan memberi bantuan untuk insiden-insiden tersebut jika bayaran ke atas semua kos sebenar yang terlibat dijelaskan oleh Ahli.
- j) Kunci kereta ditinggalkan secara tidak sengaja dan pintu kereta terbabit terkunci dari dalam.
- k) Penukaran tayar yang pancit akan dilakukan hanya jika Ahli mempunyai tayar simpanan yang berada dalam keadaan baik dan selamat.
- l) Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan di atas sebarang bantuan kenderaan yang disebabkan oleh penipuan dari segi kesalahan yang dinyatakan oleh Kod Penal.
- m) Kos penyelenggaraan untuk kes kemalangan yang dilindungi oleh polisi motor dan terhadap tuntutan daripada syarikat insurans terbabit yang juga telah dibuat atau sebaliknya.
- n) Sebarang kemalangan, kerosakan mekanikal, tayar pancit dan/atau kenderaan tersebut tidak dapat digerakkan ketika berada di semua pulau di Malaysia kecuali Pulau Pinang, Langkawi dan Labuan.
- o) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang berlaku akibat daripada peperangan, penaklukan, bencana alam, perbuatan musuh asing, permusuhan samada peperangan diisytiharkan atau tidak, perang saudara, pemberontakan, aktiviti penganas, kuasa dan rampasan tentera, rusuhan atau pergaduhan.
- p) Mana-mana Ahli yang didapati mabuk disebabkan oleh alkohol, dadah atau mana-mana bahan lain ketika perkhidmatan diberikan.
- q) UNI.ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD tidak akan dipertanggungjawabkan di atas kegagalan bagi pihak UNI.ASIA untuk menyediakan, memberi atau membayar manfaat dan hak-hak kepada Ahli seperti yang ditetapkan.
- r) **Sila layari laman web kami di [www.uniasiaeneral.com.my](http://www.uniasiaeneral.com.my) untuk mendapatkan "Terma & Syarat-Syarat Bantuan Permotoran & Penundaan AutoStar" yang terkini.**